

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' NORAINI BINTI AHMAD  
[PARIT SULONG]**

**TARIKH :**

**Dato' Noraini binti Ahmad [ Parit Sulong ] minta PERDANA MENTERI menyatakan :-**

- (a) apakah cabaran yang dihadapi oleh TERAJU dalam menggalakkan keusahawanan di kalangan Bumiputera; dan
- (b) apakah bantuan yang diberikan oleh TERAJU selain daripada bantuan kewangan kepada usahawan.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sedar bahawa, masih terdapat cabaran-cabaran yang perlu diatasi dalam membantu golongan usahawan Bumiputera menangani ketidakseimbangan dari segi peluang, penciptaan nilai, pembangunan modal insan/kapasiti dan pemilikan aset. Justeru, Majlis Ekonomi Bumiputera (MEB) telah ditubuhkan dan TERAJU bertindak sebagai sekretariat bagi menerajui, menyelaras dan memacu penyertaan Bumiputera dalam ekonomi melalui pelbagai inisiatif baru dan sedia ada. Bagi tujuan ini juga, Hala Tuju Transformasi Ekonomi Bumiputera turut diperkenalkan dengan menggariskan langkah-langkah dan tindakan yang perlu diambil untuk memastikan penyertaan Bumiputera dalam ekonomi lebih seimbang.

Ini jelas dinyatakan melalui lima fokus utama yang telah digariskan oleh YAB Perdana Menteri semasa Majlis Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera. Lima fokus pemerkasaan ekonomi Bumiputera adalah seperti berikut:

- i. Mendaya modal insan;
- ii. Memantapkan pemilikan ekuiti Bumiputera dalam sektor korporat;
- iii. Memperkuatkkan pemilikan aset bukan kewangan Bumiputera;

- iv. Memperhebatkan keusahawanan dan perniagaan Bumiputera; dan
- v. Memantapkan ekosistem penyampaian perkhidmatan.

Dibawah setiap fokus ini pula, beberapa bidang tumpuan telah diperincikan bagi memastikan gerak kerja pelaksanaannya sentiasa berfokus dan inklusif.

Bagi menggalakkan lagi penyertaan usahawan Bumiputera dalam ekonomi, TERAJU sedang mengadakan kerjasama strategik dengan pelbagai agensi serta institusi kewangan dalam mempromosi dan membuka peluang dana, pembiayaan, pembangunan modal insan, pembangunan kapasiti bagi usahawan-usahawan Bumiputera dan pegangan ekuiti. Antara inisiatif dan program-program yang sedang dilaksanakan antaranya termasuk:

- i. Dana Mudah Cara sebanyak RM2 bilion hasil kerjasama dengan UKAS yang memberi manfaat setakat ini kepada 223 syarikat dengan jumlah projek yang diluluskan sebanyak 246 projek. Program ini tekah menghasilkan pelaburan keseluruhan syarikat-syarikat swasta sebanyak RM8.05 bilion. Jumlah Dana Mudah Cara yang telah diluluskan setakat ini adalah sebanyak RM956.9 juta;
- ii. Dana TERAS merupakan hasil kerjasama dengan empat buah institusi kewangan termasuk SME Bank, RHB Islamic, MIDF dan Maybank Islamic. Inisiatif ini merupakan

- pembiayaan pinjaman kepada syarikat-syarikat yang mengikuti program TERAS dan sehingga kini sebanyak RM2.24 billion peluang pinjaman boleh dinikmati secara keseluruhan bagi program tersebut;
- iii. Program SUPERB yang membuka peluang kepada mereka yang berjaya untuk mendapatkan geran bernilai sehingga RM500 ribu setiap peserta. Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM100 juta dalam tempoh 3 tahun bermula pada 2014 hingga 2016 bagi tujuan tersebut. Melalui program ini, peserta diberi latihan dan bimbingan untuk mengemaskini rancangan perniagaan mereka. Seterusnya, penerima-penerima geran pula akan dibimbing oleh agensi-agensi pemantau yang telah dikenalpasti termasuk MTDC, Biotech Corp, MDEC, MAVCAP, PUNB dan sebagainya. Sementara itu, usahawan-usahawan Bumiputera yang berjaya turut memberi maklumbalas terhadap idea-idea perniagaan peserta bagi tujuan penambahbaikan idea mereka;
- iv. Program Prosper TERAS dan Early Child Care Education (ECCE) merupakan hasil kerjasama antara UPE, TERAJU dan PUNB dalam memberi tumpuan kepada beberapa sektor utama iaitu automotif, bahan binaan dan perkakas, perkhidmatan profesional, telekomunikasi serta pendidikan. Program ini dilaksanakan oleh PUNB dengan peruntukan keseluruhan sebanyak RM68.5 juta;

- v. Inisiatif Agropreneur Cattle Satellite sebanyak RM7.8 juta hasil kerjasama TERAJU dan JCorp dengan menyediakan pembiayaan terhadap pembangunan agropreneurs; serta lain-lain inisiatif dan program yang sedang dan telah dilaksanakan oleh TERAJU hasil kerjasama pelbagai pihak;
- vi. Dalam meningkatkan pembangunan modal insan, TERAJU telah menubuhkan Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera (YPPB) dengan menyediakan peluang pembiayaan pendidikan sebanyak RM185 juta yang setakat ini telah memberi manfaat kepada lebih 4000 pelajar yang mengikuti pelbagai bidang;
- vii. Bagi penyediaan latihan keusahawanan Bumiputera pula, TERAJU sedang melaksanakan program pembinaan kapasiti usahawan-usahawan Bumiputera melalui Institut Keusahawanan Negara (INSKEN);
- viii. Inisiatif Pembiayaan Ekuiti dengan kerjasama MARA dalam menyediakan pembiayaan sebanyak RM75 juta untuk Program Baron. Sehingga kini, 19 syarikat telah menerima kelulusan pembiayaan daripada inisiatif ini;
- ix. Selain itu, inisiatif peruntukan khas (carve-out and compete) yang membuka peluang kepada kontraktor dan usahawan Bumiputera dalam sektor pembinaan telah menyediakan

peluang lebih daripada RM23.5 bilion kepada syarikat-syarikat Bumiputera melalui beberapa projek mega termasuk MRT, Menara Warisan Merdeka, Bukit Bintang City Centre, Institut Penyelidikan Getah (RRI), MATRADE Exhibition Centre dan lain-lain.

Dalam pelaksanaan agenda Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera, Kerajaan sentiasa mempastikan segala bentuk bantuan yang diberikan dalam agenda pembangunan sosio-ekonomi Bumiputera dilakukan secara efektif, sistem penyampaian diperkemaskan dan diperkejap untuk mewujudkan ekosistem yang cekap, komprehensif dan konstruktif.

Sekian, terima kasih.